

Rukun Tetangga ditubuh di 416 buah kawasan baru

UM 28 JAN 2002

PETALING JAYA 27 Jan. — Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan menubuhkan Rukun Tetangga (RT) di 416 buah kawasan baru di seluruh negara dengan tumpuan utama di kawasan bandar.

Timbalan Ketua Setiausaha kementerian berkenaan, Datuk Ahmad Saleh Sarif berkata, penubuhan Rukun Tetangga itu akan dimulakan secepat mungkin dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

"Pemilihan kawasan bandar kerana mengambil kira beberapa faktor antaranya berisiko tinggi seperti berpotensi wujudnya pergaduhan antara penduduk serta mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi termasuk di penempatan setingan," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas mewakilinya menterinya, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman melancarkan *Charity Fun Fest* anjuran Yayasan Kebajikan Phoenix di sini hari ini.

Kenyataan timbalan menteri itu sebagai mengulas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam yang mahu supaya lebih banyak Rukun Tetangga ditubuhkan terutama di kawasan berisiko tinggi berlakunya konflik.

Perdana Menteri semasa berucap pada maj-

lis Mega Perpaduan 2002 malam tadi menyatakan bahawa RT berfungsi sebagai institusi sosial yang menjana perpaduan dan mewujudkan suasana harmoni di kalangan masyarakat.

Sehubungan itu, menurut Ahmad Saleh, penubuhan RT di kawasan itu perlu dipercepatkan kerana terbukti RT mampu mengeratkan hubungan antara penduduk di satu-satu kawasan.

Beliau berkata, pada masa ini terdapat kira-kira 2,000 RT di seluruh negara.

Kerjasama

"Kejayaan penubuhan RT (baru) ini bagaimanapun akan bergantung kepada kerjasama yang diberikan oleh penduduk di kawasan terbabit untuk menyiapkan (pondok) tempat mereka berkumpul.

Beliau berkata, kementerianya melalui Jabatan Perpaduan Negara akan membantu menjayakan penubuhan RT tersebut.

Menurut beliau lagi, kerajaan berpuas hati dengan pencapaian RT sedia ada kerana pelbagai kegiatan yang dianjurkan telah berjaya meningkatkan keharmonian dan perpaduan di kalangan masyarakat.